

KENYATAAN AKHBAR

EMPAT KERUSI KOSONG AHLI MAJLIS MBPJ TELAH DIISI

Seramai 3 orang yang terdiri daripada ahli politik akan mengangkat sumpah sebagai Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) hari ini. Perlantikan tersebut adalah bertujuan untuk mengisi kekosongan empat lagi kerusi Ahli Majlis yang masih ada di MBPJ.

Mereka yang mengangkat sumpah ialah Encik Tang Fui Koh (PKR), YM Raja Fairuz binti Raja Mazlan(PKR) dan Encik Chiang Chian Fu (PKR). Manakala seorang lagi Ahli Majlis yang baru iaitu Encik Teh Chi Chang (DAP) tidak dapat hadir atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.

Ahli-ahli Majlis yang baru ini akan menggalas tanggungjawab sebagai penggubal dasar-dasar majlis selari dengan dasar kerajaan negeri di samping menggerakkan masyarakat untuk melibatkan diri secara langsung dalam program-program yang dianjurkan serta sebagai perantara antara MBPJ dan warga Petaling Jaya.

Kesemua Ahli Majlis yang baru dilantik ini adalah gabungan muka baru dan lama yang memiliki latarbelakang yang berbeza seperti ahli perniagaan, aktivis hak asasi manusia, pelaburan dan kewangan.

Encik Tang Fui Koh dari parti PKR, merupakan bekas Ahli Majlis yang dilantik semula bagi tempoh 1 Ogos hingga 31 Disember 2013 ini. Beliau adalah seorang Ahli Perniagaan dan pernah menjawat jawatan sebagai Pengarah MNS Systems (MSC) Sdn. Bhd. Technology Park Malaysia.

YM Raja Fairuz binti Raja Mazlan dari parti PKR, merupakan pemegang Diploma Psikologi-Kolej Dar-Al-Hikmah Kajang, Selangor dan sedang mengikuti pengajian Master dalam bidang Bimbingan dan Kaunseling di UNITAR International University. Beliau juga merupakan pegawai khas (infrastruktur) di Pusat Khidmat Rakyat ADUN Taman Medan dan pernah berkhidmat sebagai seorang guru tadika di Little Azhar, Islamic Pre-School selama 3 tahun.

Encik Chiang Chian Fu juga dari parti PKR, merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda dan pernah menjawat jawatan sebagai Sales Engineer di Acson Malaysia Sales and Services Sdn. Bhd. pada tahun 2006 hingga 2007. Di samping itu, beliau juga mempunyai pengalaman sebagai Perunding Kewangan di AIA Berhad, Klang bermula tahun 2007 hingga 2013.

Calon terakhir yang dilantik menjadi Ahli Majlis bagi tempoh 1 Ogos hingga 31 Disember 2013 ini ialah Encik Teh Chi Chiang dari parti DAP. Beliau mempunyai kelulusan Master of Business Administration dan Bachelor of Science with Honour dan kini menjawat jawatan sebagai Pengarah Eksekutif di Research for Social Advancement Berhad. Beliau juga pernah menjawat jawatan sebagai Pengarah dan Penasihat Pelaburan di Maybank Investment Bank Berhad.

Komposisi Ahli Majlis dari pelbagai latar belakang dan pengalaman ini diharapkan akan dapat membantu Petaling Jaya mencapai sasaran untuk menjadi bandaraya maju dan kediaman selesa untuk warganya.

Disediakan Oleh:

**Sekretariat Media
Unit Perhubungan Awam,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: [Petaling Jaya City Council](#), twitter: [pjcouncil](#),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/208, Faks : 03-79582695

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi: Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, zainun@mbpj.gov.my atau Penolong Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar, 010-4268050, ahmadiskandar@mbpj.gov.my